

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Islam and the Environment* oleh A. R. Agwan, ed. Kuala Lumpur: Synergy Books International, 1997. 204 hlm. Diulas oleh Noraziah Ali dan Shahrudin Ahmad.

Antologi ini adalah antara sumbangan The Institute of Objective Studies, New Delhi ke arah meluaskan penghargaan di kalangan kumpulan yang prihatin terhadap isu alam sekitar dan memperbanyakkan input akademik ke atas tema Islam dan alam sekitar. Penerbitan buku ini adalah hasil motivasi daripada kerjasama Syed Hossein Nasr, Ismail R. al-Faruqi dan lain-lain yang memainkan peranan signifikan dalam menjana kesedaran ekologi.

Pada hari ini, krisis alam sekitar telah diterima secara universal sebagai antara masalah paling besar dihadapi oleh dunia. Kumpulan pengkaji yang berbeza melihat krisis ini dari sudut pandangan masing-masing. Sejak Malthus mengemukakan kebimbangannya terhadap tekanan penduduk ke atas pengeluaran makanan pada akhir kurun ke-17, pelbagai golongan (ahli ekologi, saintis, NGO, pencinta alam dan sebagainya) masih lagi memperdebatkan hubungan penduduk dan alam sekitar. Pada asasnya, impak pertumbuhan penduduk ke atas alam sekitar dikaitkan dengan permintaan yang meningkat ke atas sumber alam dan sumber sosial. Pada masa yang sama faktor teknologi dan kekayaan turut memberi impak ke atas alam sekitar kerana kedua-dua faktor tersebut telah mengupayakan manusia meneroka sumber alam pada skala yang intensif dan ekstensif.

Perspektif agama tentang pelbagai isu alam sekitar hanya bermula pada tahun 1980-an, termasuk juga usaha membentuk pemahaman menurut pelbagai fahaman agama. Pada awal dekad 70-an, telah muncul golongan saintis dan sarjana berorientasi agama atau kuat beragama yang menunjukkan kesedaran peri pentingnya kebijaksanaan agama dalam dunia kontemporari. Implikasinya, penggunaan istilah *teologi ekologi*, *etika alam sekitar*, *ekosofi*, *ekologi agama* dan sebagainya telah secara perlahan-lahan memasuki pelbagai arena wacana akademik. Selain itu, Pengisytiharan Assi (1986), Laporan Brutlan (1987), Agenda 21 (1993) dan dokumen utama yang lain juga telah sedar tentang pentingnya peranan agama dan budaya dalam bidang ekologi. Kesannya, etika dan undang-undang alam sekitar menjadi fokus penting dalam perbincangan dan perdebatan krisis alam sekitar.

Kemunculan sarjana Islam yang mengaplikasikan kebijaksanaan Islam dalam menginterpretasi krisis alam sekitar pada dekad yang lalu telah melahirkan perspektif ekologi Islam. Konsep-konsep utama yang telah dikemukakan dan dibincangkan berkaitan dengan ekologi termasuklah *khalifah*, *tashkeer* (ketaatan), *jamal* (estetik), *mizan* (keseimbangan), *zarar* (kecederaan), *itgha* (melanggar/ melampau), *fasad* (krisis) dan sebagainya. Kebanyakan sarjana Islam melihat manusia sebagai khalifah yang dikurniakan pelbagai kualiti

kepandaian dan keupayaan mengolah muka bumi untuk kepentingan sendiri. Bagaimanapun, alam sekitar fizikal dan sosial di sekeliling mereka perlu dijaga, dikawal dan tidak lampau-eksplotasi agar tidak memberi impak bencana kepada mereka sendiri. Sekiranya manusia mengeneipkan segala nilai kehidupan asasi ini maka kesannya akan ditanggung sendiri oleh mereka.

Melihat betapa perlunya satu himpunan idea tentang hubungkait antara Islam dan alam sekitar untuk dijadikan panduan dan renungan kepada para penyelidik, ilmuan dan pencinta alam sekitar maka terbitlah ontologi ini yang disunting oleh A. R. Agwan. Ia mengandungi 11 bab, dengan empat bab daripadanya telah pernah diterbitkan dalam jurnal (Bab 1 daripada *American Journal of Islamic Science*, Bab 2 dan Bab 5 daripada *MAAS Journal of Islamic Science*) dan buku suntingan (Bab 6 daripada *World Religion and the Environment*). Sementara Bab 4 asalnya disumbangkan sebagai kertas polisi untuk *International Union for Conservation of Nature and Natural Environment (IUCN)* dan *Meteorology and Environmental Protection Administration (MEPA)*, Saudi Arabia.

Bab pertama oleh A. R. Agwan memberi kupasan tentang perspektif ekologi yang terdapat dalam pelbagai agama dan budaya (Kristian, Buddha, Hindu, Yahudi, fahaman Konfusius dan Shinto) dengan memfokus kepada pandangan Islam di samping membincangkan impak perspektif agama ke atas Persidangan Rio de Janeiro pada tahun 1993. Dalam usaha komuniti dunia mencari model alternatif bagi menangani krisis alam sekitar, A. R. Agwan berpendapat bahawa doktrin Islam seharusnya mempamerkan kebijaksanaannya dalam menyediakan sistem kehidupan mapan.

Dalam bab kedua, Sayyed Hossein Nasr meletakkan asas-asas kecintaan Islam terhadap alam sebagai manifestasi kewujudan Allah S.W.T.. Selain itu, beliau membandingkan antara keadaan Islam pada hari ini dengan Barat berhubung krisis alam sekitar. Menurutnya, Islam harus sama-sama bertanggungjawab menjelaskan kepada penganutnya dan dunia tentang sifat kerohanian alam dan perlunya manusia hidup secara aman dan harmoni dengan makhluk Allah S.W.T. yang lain.

Pencarian dan perincian konsep perbatasan etika alam sekitar Islam telah dilihat oleh Abd-al-Hamid dalam bab ketiga. Berdasarkan konsep khalifah, amanah dan fasad, beliau menunjukkan prinsip-prinsip Islam yang bersumberkan al-Quran dan sunnah mempunyai pelbagai cabang sosial, ekonomi dan politik yang jauh jangkauannya. Di samping itu, beliau juga tidak ketinggalan melihat pembangunan yang menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar hari ini. Beliau berpendapat bahawa alam mesti ada haknya dan tempatnya di muka bumi yang jika kita abaikan akan mengundang kemusnahan.

Bab keempat oleh Abubakar Ahmad Bakadar et al. mengandungi prinsip-prinsip Islam yang boleh diaplikasikan dalam melindungi dan memelihara sumber-sumber asas alam sekitar seperti air, udara, tanah dan tanih, tumbuhan-tumbuhan, haiwan dan manusia. Pelbagai parameter undang-undang juga dibincangkan yang melibatkan pengawalan dan penjagaan daripada impak bencana alam sekitar

yang berpunca daripada manusia sendiri. Antara lain beliau merumuskan bahawa pemuliharaan alam sekitar bukan sahaja berasaskan kesedaran moral tetapi juga etika. Penggunaan dan pengeksploatan sumber alam semula jadi perlu dilakukan dengan saksama agar ia tidak merosakkan alam sekitar di samping tidak memberi masalah alam sekitar kepada negara lain.

Bab kelima oleh Salahuddin Qureshi mengemukakan buah fikiran tentang ekologi Barat dan membandingkannya dengan yang terdapat dalam Islam. Model Barat telah menyumbang dari segi kecekapan produktiviti sumber, tetapi model Islam perlu membangkitkan dan mengintegrasikan nilai moralnya berkaitan dengan kekangan kepenggunaan dan pengagihan adil dengan model Barat demi menjamin kebaikan ekologi dan manusia sejagat.

Dalam bab keenam, Rafiq dan Jamal telah membentangkan ajaran Islam berhubung dengan penciptaan alam, signifikannya, keseimbangan dan ukuran, pencemaran dan perlindungan flora dan fauna. Dalam konteks itu, Islam menekankan perlunya setiap peraturan alam dipatuhi dan tidak melampaui had. Materialisme dan kepentingan sempit dan jangka pendek adalah punca kesengsaraan manusia, sementara kemajuan teknologi seharusnya tidak memudaratkan kesihatan, kebahagiaan atau kehidupan manusia.

Bab ketujuh oleh Mohd Kalimur Rahman menyentuh tentang kesedaran terhadap alam sekitar dalam Islam. Islam mendekati masalah alam sekitar secara holistik. Interaksi antara persekitaran fizikal, biologikal dan sosial dengan aktiviti manusia telah membentuk pegangan penting di rumah, ladang, mahkamah, sukan, ibadat dan kesemua bidang kehidupan. Agama Islam dikatakan menyediakan panduan mencukupi kepada manusia dalam menggunakan alam sekitar. Beliau juga menjelaskan peranan syariah dalam menangani krisis alam sekitar.

Dalam bab kelapan, al-Mawil Samara mengupas konsep kejadian alam dalam Islam dan natijahnya untuk pemeliharaan alam dan sumbernya. Beliau juga mengetengahkan hubungan manusia dengan makhluk lain sebagai terjemahan daripada pemahaman Islam tentang ciptaan alam dan alam sekitar.

Bab kesembilan oleh Sultan Ismail mengungkapkan aspek pembentukan alam berdasarkan perspektif Islam dan kaitannya dengan masalah alam sekitar, terutama sekali dalam konteks kepelbagaian biologi, sumber alam dan kemerosotan alam sekitar. Kebajikan ekonomi dalam budaya Islam meliputi jaminan makanan, perlindungan, kemudahan awam, pengangkutan dan perancangan sumber alam sekitar yang sihat.

Bab kesepuluh ialah kritik ke atas pandangan moden berhubung dengan pertumbuhan penduduk dan had sumber alam yang banyak dibincangkan dalam kajian pembangunan. Tulisan P. Ibrahim ini memperincikan pandangan Islam berhubung perkara yang sama. Masalah kemiskinan, pengangguran, kehabisan sumber alam dan pencemaran, yang disebabkan oleh pertumbuhan penduduk menurut gologan anti-natalis, sebenarnya memerlukan langkah-langkah yang berorientasikan pertumbuhan ekonomi dan agihan adil pada pandangan Islam.

Akhir sekali ialah bab kesebelas tulisan A. R. Agwan yang cuba memahami pelbagai isu teoritikal semasa dalam perdebatan ekologi berdasarkan idea-idea yang pernah dikemukakan sejak abad ke-17. Beliau juga menjelaskan alasan-alasan epistemologi menurut pandangan Islam tentang kewujudan persimpangan konsep dalam pelbagai teori ekologi.

Berdasarkan susunan dan kandungan buku *Islam and the Environment* ini, bahan perbincangannya boleh dibahagikan kepada tiga aspek yang saling berkaitan dan melengkap. Pertama, pembaca dibentangkan dengan sifat dan dimensi ekologi dari pelbagai perspektif. Konsep kebaikan bersama dan kebajikan dalam konteks alam sekitar bukanlah perkara asing dalam ajaran agama Hindu, Yahudi, Kristian, Buddha dan Sikh. Agama Islam mengajar setiap umatnya untuk bersama semua makhluk dalam membesarkan Allah S.W.T., menyedarkan bahawa setiap penghuni alam ini mempunyai komuniti masing-masing, dan kesemuanya adalah bersaudara (*fellowship*) antara satu sama lain.

Justeru, konsep eko-etika adalah sebahagian daripada ajaran agama. Perspektif Barat tentang alam sekitar adalah berasaskan dominasi dan penaklukan alam oleh sains, sementara Islam memperuntukkan alam akan tempatnya, menganjurkan perkongsian bumi dan tidak ada pencerobohan. Mengabaikan ajaran tersebut bererti mengundang bencana. Setiap manusia diajar untuk mengambil pendekatan penghargaan terhadap alam.

Kedua, fokus perbincangan ialah aspek etika dan prinsip-prinsip yang ditentukan oleh Islam untuk umat manusia menangani krisis alam sekitar, iaitu pencegahan dan pemeliharaan alam sekitar. Dalam hal ini, manusia dilihat sebagai mempunyai kedudukan khas dalam hubungannya dengan hidupan lain. Manusia sebagai khalifah mempunyai 'kuasa' ke atas sumber alam. Namun, umat Islam diberi petunjuk dan kesedaran tentang alam berlandaskan pemahaman tentang penciptaan alam dan hakikat alam sekitar oleh agama Islam.

Ketiga ialah isu pandangan dan dimensi epistemologi alam sekitar yang telah banyak diperkatakan dalam bidang pembangunan, terutamanya dari kalangan sarjana Barat. Sehubungan dengan itu, perspektif Islam adalah alternatif kepada idea yang tersasar tentang alam dan sumber alam.

Keseluruhannya, para sarjana dalam bidang ekologi dan pencinta alam sekitar yang mengalami kekhawatiran tentang keadaan alam sekitar, yang kian merosot kualitinya untuk kehidupan manusia, diperkayakan lagi dengan perspektif baru tentang alam sekitar. Perspektif Islam tentang alam sekitar menampilkan asas, tatacara dan peringatan yang mengajar dan mengajak manusia untuk menjaga dan menghargai alam untuk membentuk kehidupan mampan. Ketetapan Allah S.W.T. yang sempurna dalam penciptaan-Nya adalah anugerah yang dikecapi oleh mereka yang taat tetapi sebaliknya kemusnahan bagi mereka yang engkar.

Antologi *Islam and the Environment* telah digarap sebaik mungkin supaya bersifat *exhaustive and representative*, walaupun terdapat kekurangan tertentu. Buku ini dijangka boleh memberi perangsang kepada sarjana Islam untuk membuat kajian dan memberi sumbangan ilmu kepada perspektif ekologi Islam.

Sesungguhnya para sarjana dan ahli ekologi Islam mampu untuk memacu kemunculan paradigma alternatif yang tidak ternilai untuk manusia sejagat. InsyaAllah.

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
noraziah@pkrisc.cc.ukm.my